

04 JUN 1996

Bola sepak - AFC

KERAJAAN TAWAR TANAH BAGI IBU PEJABAT AFC

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Kerajaan menawarkan tanah seluas 1.6 hektar dekat Kompleks Sukan Bukit Jalil bagi Persekutuan Bolasepak Asia (AFC) mendirikan bangunan ibu pejabatnya.

Setiausaha Agung AFC Datuk Peter Velappan berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat tawaran itu kepada AFC pada Januari lalu.

Beliau berkata AFC akan membina bangunan ibu pejabat itu dengan kos RM16 juta.

Kerja pembinaan akan bermula bulan depan dan bangunan itu dijangka siap menjelang akhir tahun depan.

"Kami menghargai jasa baik Dr Mahathir menawarkan tanah itu," kata Velappan selepas mesyuarat jawatankuasa eksekutif AFC di sini.

Beliau berkata Presiden AFC Sultan Ahmad Shah wakan mempengerusikan jawatankuasa khas bagi mengutip derma untuk pembinaan bangunan itu.

Velappan berkata badan-badan gabungan AFC bersetuju untuk mempunyai ibu pejabat tetap di Malaysia. "Ini berupa penghormatan bagi Malaysia untuk Ibu Pejabat AFC didirikan di sini," kata beliau.

Velappan juga berkata mesyuarat empat jam itu membincangkan dua wakil Asia yang bertanding bagi merebut kerusi tunggal dalam jawatankuasa eksekutif Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA).

Mereka ialah Presiden Persatuan Bolasepak Qatar Mohamed Hammam Al-Abdullah dan naib presiden Persatuan Bolasepak Hong Kong Timothy Fok. Pemilihan akan ditentukan pada kongres AFC esok.

Velappan juga berkata Kemboja, Korea Utara dan Yamen telah hilang hak mengundi dalam kongres esok kerana tidak menyertai dalam sekurang-kurangnya dua kejohanan yang direstui AFC sejak dua tahun lepas.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Velappan juga membincangkan persiapan bagi Piala Asia yang akan diadakan di Emiriyah Arab Bersatu (UAE) lewat tahun ini. -- BERNAMA

DC FAZ